

## **Kesan Psikologi Dan Bentuk Sokongan Anak Deraan Seksual**

*Muhammed Sharif Mustaffa<sup>1</sup> & Nur Diyana Abd Rahim<sup>2</sup>*

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

---

**ABSTRAK:** Penderaan seksual kanak-kanak meningkat secara mendadak dewasa ini dan ianya adalah salah satu masalah sosial yang sangat membimbangkan masyarakat dan kerajaan. Justeru itu, ia meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada individu yang terlibat dalam kes penderaan seksual ini. Demikian, insiden penderaan seksual kanak-kanak ini perlu diberi perhatian segera dan perlu bagi setiap pihak untuk mengetahui kesan-kesan psikologi yang dialami, bagaimana cara penyesuaian diri yang dilakukan dan sokongan-sokongan moral yang diperolehi oleh mangsa deraan seksual. Oleh itu objektif kajian adalah mengkaji kesan psikologi yang dialami oleh anak deraan seksual, cara penyesuaian diri yang dilakukan oleh anak deraan seksual dan bentuk sokongan yang diperolehi oleh anak deraan seksual. Bagi mencapai objektif ini, kajian akan dijalankan melalui kaedah temu bual ke atas lima orang responden (subjek) yang terdiri daripada anak-anak deraan seksual bagi mendapatkan maklum balas (komen) daripada responden (subjek). Terdapat 5 bahagian soalan yang dibentuk iaitu Bahagian A berkaitan dengan maklumat demografi, Bahagian B berkaitan dengan peristiwa dan kronologi kes penderaan seksual, Bahagian C berkaitan dengan kesan psikologi yang dialami oleh anak deraan seksual, Bahagian D berkaitan dengan cara penyesuaian diri yang dilakukan oleh anak deraan seksual dan Bahagian E berkaitan dengan bentuk sokongan yang diperolehi oleh anak deraan seksual. Segala dapatan yang diperolehi daripada responden akan dianalisis mengikut prosedur yang ditetapkan dan pengkaji juga mengklasifikasikan setiap item kepada tiga tahap iaitu tahap minimum, sederhana dan kritikal. Antara ketiga-tiga elemen ini yang paling cenderung ke arah responden adalah kesan psikologi dan cara penyesuaian yang berada di tahap kritikal manakala bentuk sokongan berada di tahap yang minimum.

**Katakunci:** Kesan Psikologi, Bentuk Sokongan & Anak Deraan Seksual

**ABSTRACT:** Nowadays sexual abused among child become more serious and it also been categorized as the social problem that make worry to the society and government. Besides it also gives impact to the individual who getting involved in this situation. That is why, people should give more attention to this issues in order to make sexual abused among child not become more worse. In addition, it gives people to know about the effect of psychology to the victim, how they make adaptation to this situation and what the supported they get during undergo to this situation. So the objective of this research to study about the effect of psychology, the adaptation been used among victims and the supported they get during undergo to this situation. To attain the objective, this research will conduct using interview technique that the researcher will conduct the interview session towards five respondent (subject) which including child who get involving in sexual abuse. The question of interview session will be divided into 5 part that part A is related to demographic of respondent, part B is related to the event and chronology of the sexual abuse, part C is related to the effect of the psychology, part D is related on how they make adaptation to this issues and part E is related to the supported that they get during undergo in this situation. All the findings will be analysis and the researcher also make the classification for each items into three level that is minimum level, average level and critical level. The findings of this result showed that the effect of psychology and the adaptation used by the respondent was at critical level while the supported

that respondent get during undergo in this situation was at minimum level.

**Keywords:** Impact To Psychology, Form Of Support & Sexual Abused Child

---

## 1.0 PENGENALAN

Penderaan seksual kanak-kanak merupakan satu gejala yang menimbulkan pelbagai reaksi daripada setiap golongan masyarakat setiap kali perkara ini dibangkitkan di media massa atau setiap kali seseorang kanak-kanak yang menjadi mangsa. Isu penderaan seksual ini juga sering dianggap sebagai persoalan yang hangat dan menimbulkan pelbagai cabaran kritikal dalam masyarakat moden hari ini. Kerajaan Malaysia amat menitikberatkan pembangunan minda kanak-kanak terutama dalam bidang pendidikan yang secukupnya beserta wawasan demi agama, bangsa dan negara. Malangnya, dalam memperkayakan persekitaran yang kondusif untuk tumbesaran kanak-kanak di negara ini, masih lagi terdapat kes-kes penderaan seksual kanak-kanak.

Isu penderaan seksual ini berlaku secara universal dan semua kategori manusia terlibat sebagai mangsa mahupun pendera. Namun secara lazimnya, kanak-kanak dan kaum perempuan kerap menjadi mangsa. Ini kerana, kanak-kanak dan orang perempuan dilihat sebagai inferior dan mudah dikuasai. Pengalaman penderaan seksual memberi kesan terhadap fungsi utama manusia iaitu kepada pemikiran, emosi dan tingkah laku. Gangguan pemikiran dan pembentukan persepsi negatif seperti kritik diri, rasa tidak berdaya, rasa tiada harapan dan menyalahkan diri adalah antara kesan pemikiran yang dialami oleh mangsa. Kesan-kesan psikologi yang dialami pula meliputi tekanan atau stres, kemurungan dan juga trauma. Manakala dalam aspek tingkah laku pula seperti lari dari rumah, ponteng sekolah, masalah dadah dan sebagainya. Merujuk kepada elemen kesan psikologi yang mana memfokus kepada tajuk kajian ini seperti tekanan atau stres, kemurungan dan trauma ianya merupakan kesan biasa dan menjadi teras kepada kecederaan psikologi yang dialami oleh individu yang berhadapan dengan isu penderaan seksual. Kesan psikologi pertama iaitu tekanan atau stres yang merupakan satu keadaan apabila berlaku ketidaksepadanan antara jangkaan permintaan dan jangkaan keupayaan untuk mengatasinya. Keseimbangan antara bagaimana seseorang itu melihat permintaan dan bagaimana dia berfikir untuk memenuhi permintaan tersebut yang menentukan sama ada dia merasakan tiada tekanan distress atau eustress (Freeman, 2005).

Kesan psikologi ketiga adalah trauma. Trauma berasal dari bahasa Yunani yang bererti luka (Powell, 2007). Perkataan trauma digunakan untuk menggambarkan kejadian atau situasi yang dialami oleh seseorang. Umumnya penderaan seksual akan memberi kesan traumatis kepada perkembangan kanak-kanak. Kejadian atau pengalaman traumatis akan dialami secara berbeza-beza antara setiap individu sehingga setiap orang akan memiliki reaksi yang berbeza pada saat menghadapi kejadian yang traumatis. Pengalaman traumatis adalah suatu kejadian yang dialami atau disaksikan oleh individu, yang akan mengancam keselamatan dirinya (Crosson, 2002). Trauma juga meliputi kepada kecelaruan psikologikal seseorang seperti takut atau ngeri, terancam, rasa bersalah, resah, tertekan secara berpanjangan, ketagihan, ingatan yang menghantui, menjauhi aktiviti atau situasi yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa (Azhari, 2000). Trauma boleh terjadi dalam empat keadaan iaitu trauma akibat jangkaan masa hadapan, trauma dalam situasi sekarang, trauma yang kronik dan berpanjangan dan trauma berbaki atau isu-isu penderitaan yang tidak selesai. Malah trauma juga turut dapat memberi kesan kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang. Menurut Ann, Wan Seng dan Khadijah Alavi. (1997), kesan trauma yang selalu dilaporkan ialah mangsa merasakan diri mereka kotor, rasa malu atau

menyalahkan diri berperasaan negatif terhadap pendera, dan secara umumnya tidak suka kepada lelaki atau aktiviti sosial dan dilaporkan sukar untuk menghadapi kejadian.

Secara kesimpulannya, kesan-kesan psikologi, cara penyesuaian dan juga bentuk-bentuk sokongan merupakan elemen penting yang perlu dilihat dan juga dikaji terhadap mangsa yang mengalami kejadian ini. Tambahan pula di Malaysia kurang kajian yang dijalankan yang menjurus ke arah isu penderaan seksual kanak-kanak maka dengan itu pengkaji berasa terdorong untuk menjalankan kajian ke atas isu ini dan pengkaji berpendapat bahawa adalah wajar jika permasalahan ini dapat diketengahkan agar semua pihak dapat memberikan perhatian dan secara tidak langsung memperoleh pengajaran daripada apa yang telah berlaku.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Dalam pernyataan masalah ini, pengkaji cuba melakukan tinjauan semula terhadap kajian-kajian literatur, dan pengkaji mendapati hanya segelintir menunjukkan hasil yang positif terhadap kesan psikologi bagi anak yang mengalami penderaan secara seksual. Terdapat perbezaan antara kajian yang dijalankan dengan kajian literatur di mana pengkaji mendapati bahawa terdapat keterbatasan pengetahuan berkenaan dengan kesan psikologi, proses penyesuaian diri yang dilakukan oleh anak deraan seksual dan juga bentuk-bentuk sokongan yang diperlukan oleh anak deraan seksual. Merujuk kepada kajian yang dijalankan ini, pengkaji cuba untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang kehidupan yang dilalui oleh anak deraan seksual. Oleh itu, pengkaji telah menyatakan objektif bagi kajian ini iaitu untuk mengenalpasti kesan-kesan psikologi, proses penyesuaian dan bentuk sokongan yang diperlukan oleh anak deraan seksual.

Umumnya insiden penderaan seksual kanak-kanak menjadi satu topik hangat yang diperbincangkan pada masa kini. Terdapat kanak-kanak yang hilang dan didapati meninggal akibat penderaan secara seksual oleh individu yang tidak bertanggungjawab terhadap keadaan ini. Sememangnya anak deraan seksual merupakan individu pertama yang akan mengalami rasa keperitan atau kesakitan berbanding orang lain. Disebabkan faktor-faktor seperti ini menyebabkan pengkaji berminat untuk melaksanakan kajian di samping kajian-kajian yang berkaitan dengan isu ini amat terhad dijalankan di Malaysia. Walaupun pengkaji mendapati terdapat perbezaan antara kajian yang dijalankan dengan kajian-kajian literatur yang lepas, namun pengkaji akan memfokuskan kajian ini kepada kesan-kesan psikologi, proses penyesuaian diri dan bentuk-bentuk sokongan yang diperlukan oleh anak deraan seksual. Skop kajian ini memfokus kepada anak-anak deraan seksual dan pengkaji juga menjangkakan bahawa hasil dapatan kajian ini membolehkan ia dijadikan rujukan kepada semua pihak terutamanya kepada mangsa penderaan seksual tersebut.

### **1.2 Objektif Kajian**

Objektif bagi kajian ini adalah:

- 1) Mengkaji kesan psikologi yang dihadapi oleh anak deraan seksual
- 2) Mengkaji cara penyesuaian diri yang dilakukan oleh anak deraan seksual
- 3) Mengkaji bentuk sokongan yang diperolehi oleh anak deraan Seksual

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

### 2.1 Kajian luar negara

Menurut kajian yang dijalankan oleh Cooper dan Ball (1987) tentang trauma yang dialami oleh anak deraan seksual dan juga ibu mangsa di mana kajian ini telah dijalankan ke atas 56 buah keluarga dan didapati kebanyakannya kanak-kanak cenderung menyalahkan diri mereka dan menunjukkan sikap malas dalam melakukan apa-apa perkara. Ianya juga turut berlaku ke atas ibu mangsa di mana mereka menunjukkan sikap tidak mempercayai terhadap diri sendiri dan juga persekitaran mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Orton (1997) tentang penderaan seksual kanak-kanak dan kesannya terhadap jantina mangsa dan diri mangsa. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif di mana dilakukan ke atas 104 orang kanak-kanak deraan seksual. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penderaan seksual kanak-kanak ini cenderung mempengaruhi kanak-kanak lelaki berbanding perempuan.

### 2.2 Kajian dalam negara

Berdasarkan hasil dapatan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur antara tahun 1992 hingga 1993 menunjukkan pelaku adalah terdiri daripada pengasuh mereka. Kanak-kanak tersebut diliwat dan dipukul dengan teruk oleh pelaku tersebut.

Kajian yang dibuat oleh Roslah (2007) dan laporannya menunjukkan bahawa dari tahun 1992 hingga 1994 mendapati bahawa sebanyak 30% dari kes yang melibatkan sumbang mahram. Penceroboh utamanya adalah bapa kandung (48.8%) dan diikuti oleh bapa tiri (24.4%). Lelaki-lelaki lain yang menjadi penceroboh ialah bapa saudara, abang ipar dan datuk.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Kasmini Kassim(1998) berkenaan dengan penderaan emosi terhadap kanak-kanak. Penderaan emosi kerap terjadi dengan tidak ketara tetapi kesannya terhadap perkembangan fizikal dan mental di kalangan kanak sangat jelas sehingga memerlukan rawatan perubatan. Mengikut kajian ini, lima kategori tingkah laku buruk ibu bapa dikenal pasti iaitu penolakan, pengasingan, menakutkan, sikap tidak peduli dan sikap merasuh fikiran. Dapatkan kajian yang diperolehi juga menunjukkan penderaan sebegini mendatangkan pelbagai masalah antaranya masalah sosial, emosi dan pembelajaran yang serius, lebih daripada kesan umum dalam persekitaran mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Nor Shafrin Ahmad (2007) berkenaan tentang mengenalpasti indikator tingkah laku mangsa penderaan seksual di mana kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemurungan mangsa penderaan seksual dan mengenalpasti indikator tingkah laku mangsa penderaan seksual. Subjek kajian terdiri daripada tujuh orang mangsa penderaan seksual di kawasan Utara Semenanjung Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan kesemua mangsa mengalami kemurungan pada tahap kritikal. Pelbagai indikator tingkah laku yang ditunjukkan oleh mangsa, contohnya sangat tertekan, mudah meradang, ponteng sekolah, sukar memberi tumpuan dalam pelajaran, merosot dalam pelajaran, gangguan tidur serta cubaan membunuh diri.

### 2.3 Latar Belakang Model Neukletik

Pendekatan model neukletik disesuaikan daripada pemikiran Iman Al-Ghazali dalam perlaksanaan penerapan nilai dalam pengajaran di Institut Pengajian Tinggi (Salkind, 2006).

Berdasarkan konsep neukleus iaitu hati yang dapat merasa dan membezakan nilai baik dan buruk berteraskan iman kepada Allah s.w.t. Melalui model neukletik ini adalah untuk melahirkan insan yang baik melalui proses input, output serta TRNOC. Taksonomi TRNOC mengandungi lima tahap (I hingga V) iaitu T-terima, Rrespon, N-nilai, O-organisasi dan C-ciri berasaskan model taksonomi Bloom. Model neukletik merupakan pembentukan insan yang lahir dari proses penyerahan hati yang sebenar kepada Allah s.w.t melalui didikan hati yang diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w supaya manusia dapat melahirkan tindak-tanduk yang soleh berbanding daripada manusia yang hilang pedoman kerana mementingkan hawa nafsu dari hati yang bertaqwa. Mohd Salleh Lebar (1994) menyatakan tabiat nafsu sentiasa bertentangan dengan hukuman Allah s.w.t dan nafsu itu dapat ditundukkan dengan melawan kehendak nafsu dan melakukan amal ketaatan. Menurut beliau “Lawanlah kehendak nafsu itu kerana ia adalah sumber kejahanan dan kerosakan.”

Manusia itu perlu mengubah penghayatan dan pemahan bertitik tolak dari moral kepada atas dasar iman kerana Allah s.w.t (Salkind, 2006) dengan kembali kepada asal fitrahnya iaitu menjadi hamba kepada Allah s.w.t. untuk dapat merasa ketenangan dalam jiwa. Ini jelas memperlihatkan bahawa hati diibaratkan pemimpin yang perlu ditaati di alam tubuh. Sementara anggota yang lain itu adalah selaku rakyatnya (Meran, 2008). Makna hati itu ialah berkaitan dengan roh, jiwa dan akal. Hati menjadi pemimpin yang dipatuhi, sementara nafsu serta anggota lain mematuhi perintah-perintah dan larangannya.

## **2.4 Bagaimana Mencegah Penderaan Seksual Kanak-kanak dengan Mematikan Nafsu Menggunakan Taksonomi TRNOC (Output)**

### **2.4.1 Tahap I- Penerimaan**

Individu harus menerima hakikat kebenaran bahawa akhlak yang baik mempunyai dua perkara iaitu kebaikan berbentuk rupa dan kebaikan akhlak. Kebaikan berbentuk rupa merupakan keindahan lahiriah bersifat luaran manakala kebaikan akhlak pula ialah keindahan batiniah yang bersifat dalaman dan penghayatan ini boleh dipraktik melalui ketekunan pada ibadah yang dapat menentang syahwat dengan baik dan berkesan dalam membentuk batin dan menenangkan hati terhadap Allah s.w.t. Individu yang mempraktikkan akhlak yang baik tidak mungkin dapat terjebak dengan kes-kes penderaan seksual kanak-kanak.

### **2.4.2 Tahap II- Memberi Respon**

Individu yang terdedah kepada obsesi terhadap bahan pornografi internet ini tidak tahu mengisi kelapangan masa dengan cara yang berfaedah dan bermanfaat. Antaranya menyibukkan dengan ibadah dan membersih serta menyucikannya dengan solat dan zikir. Respon begini dapat memberi pengisian yang bermanfaat serta menghindarkan diri terhadap gejala songsang. Manakala cara mendidik akhlak pula adalah sebahagian sifatnya untuk mengatasi sifat lain (Iman al-Ghazali).

### **2.4.3 Tahap III- Membuat Penilaian**

Iman Ghazali menggariskan tiga cara untuk menilai kelemahan diri iaitu pertama melalui pengakuan di hadapan guru atau orang yang berpengetahuan dalam bidang tertentu. Kedua melalui teman yang soleh yang dapat mempengaruhi diri individu yang mengingatkan kepada

keburukanya. Ini bersesuaian dengan kata-kata Umar r.a. iaitu “Semoga Allah merahmati orang yang menunjukkan daku kepada kejelekan-kejelekanku.” Dan ketiga melalui percakapan orang yang mencari kesalahannya. Orang yang terjebak dalam kancang pencabulan harus menyedari penyakit jiwa yang dialami dan berusaha berjumpa dengan pihak terbabit bagi meminta nasihat dan bantuan. Peranan rakan juga turut mengambil kira dalam memberi nasihat dan larangan manakala pecabul harus sedar perbuatannya itu salah kerana masyarakat sekeliling memperkata serta menganggap perbuatan tersebut tidak bermoral dan berperikemanusiaan, bukannya menganggap masyarakat yang tidak memahami kehendak mereka atau masih kolot serta mempunyai pemikiran yang belum matang.

#### **2.4.4 Tahap IV- Mengorganisasi**

Sumber segala dosa adalah syahwat perut, dan bermula dari situ timbulnya syahwat kemaluan. Ini boleh dilihat pada peristiwa Adam a.s. melanggar larangan Allah s.w.t. hingga keluar dari syurga. Sebab itulah secara semulajadinya manusia itu mencari dan menyukai dunia (Kristi, 2006). Antara cara mematahkan syahwat perut dan kemaluan ialah keutamaan lapar dan celaan atas kekenyangan iaitu mengurangkan makan secara beransur-ansur.

#### **2.4.5 Tahap V- Pencirian**

Individu itu perlu menyiapkan diri terlebih dahulu dengan pencirian enam tingkatan iaitu pertama penetapan syarat iaitu akal adalah pedagang di jalan akhirat dan sekutunya ialah hati yang membantunya mencapai tujuan. Individu yang tahu bahawa pokok pangkal sesuatu perbuatan berdasarkan akal akan menggunakan akal dan bukan syahwat sebelum bertindak melakukan sesuatu. Kedua ialah melalui pengawasan iaitu pengawasan hati supaya tidak rosak amalan iaitu yakin setiap gerak geri diawasi. Tahap ketiga pula ialah pemeriksaan diri setelah beramal iaitu orang yang beriman dan beramal setiap masa sentiasa memeriksa dirinya atas perbuatannya. Tahap keempat, penghukuman yang menampakkan kekurangan dalam hal ketaatan dan perbuatan maksiat setelah memeriksa dirinya. Kelima, individu itu perlu bermujahadah atau melawan nafsu iaitu dengan cara membaca ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi s.a.w. Tahap yang terakhir iaitu penyaksian iaitu menegur diri. Sebagaimana telah diketahui sebelum ini musuh paling utama ialah melawan nafsu, menjelek dan menegur nafsu supaya tunduk dan meningkatkan jiwa.

### **2.5 Pendekatan Interaksi Penderaan Kanak-kanak**


Pendekatan ini merangkumi interaksi sosial di dalam dan luar dunia kanak-kanak mangsa penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang dikemukakan oleh Ida Hartina (2006). Interaksi sosial bermaksud kegiatan dua atau lebih orang yang melibatkan sikap, nilai, norma, tingkah laku dan harapan tiap-tiap orang. Konsep interaksi dalam kajian ini melihat pada setiap faktor di luar dan di dalam diri kanak-kanak saling berhubung kait antara satu sama lain. Faktor di luar dunia kanak-kanak adalah status ekonomi, personaliti ibu bapa, hubungan perkahwinan, jaringan sosial dan sosiobudaya.

Kesemua faktor-faktor ini akan berinteraksi dengan dunia kanak-kanak yang matang atau terbantut. Penekanan Killen adalah cara kanak-kanak melihat dirinya dan dunia di luar mereka. Kedua-dua persepsi ini mempengaruhi perkembangan tumbesaran mereka. Bahkan rangsangan-rangsangan persekitaran perlu bagi tumbesaran fizikal dan mental kanak-kanak.

Killen juga memberi tumpuan penilaian terhadap ibu bapa mangsa kerana sistem keluarga adalah sasaran utama yang mencegah dan membantu mangsa penderaan kanak-kanak.

Mencegah dan membantu mangsa penderaan seksual perlu memahami secara keseluruhan sistem keluarga dan hubungan ibu bapa dengan faktor-faktor dunia luar. Ida Hartina (2006) mendapati bahawa: "Kita harus memahami interaksi di dalamnya bagaimana ianya boleh membentuk latar belakang ibu bapa dan personaliti mereka yang boleh menyumbang kepada kapasiti keibubapaan dan kita harus memahami interaksi di antara mereka dengan kanak-kanak dan bagaimana faktor-faktor ini berinteraksi dengan jaringan sosial dan pelbagai bentuk sosioekonomi serta tekanan hidup. Proses diagnosa yang penting adalah kemampuan kita memenuhi perkembangan kanak-kanak dan strategi survival serta fungsi keibubapaan yang berpotensi.

Penderaan yang berlaku terhadap kanak-kanak terumatanya penderaan seksual adalah satu masalah sosial yang rumit dan kompleks. Maka tidak ada satu pendekatan teori yang tepat dapat merangkumi segala yang perlu difahami dalam fenomena ini. Tidak memadai dengan menumpukan pada suatu aspek atau pendekatan sahaja. Sistem teori yang terbuka wajar menjelaskan fenomena yang kompleks ini. Berikut pendekatan interaksi penderaan kanak-kanak digambarkan dengan jelas pada rajah di bawah dan diuraikan satu persatu dengan lebih terperinci



**Rajah 1 : Penyesuaian Model Killen**

## 2.6 Personaliti Ibu Bapa dan Pendera

Personaliti didefinisikan sebagai sifat-sifat yang ada pada seseorang individu seperti cara berfikir, beremosi, bertindak, berpandangan dan lain-lain yang dapat dibezakan dengan orang lain. Personaliti atau sahsiah melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu (Siti Fatimah Abdul Rahman, 2002).

Menurut Worden, (2002), personaliti ibu bapa atau pendera berasal daripada interaksi mereka dengan pengalaman masa lampau, lingkungan keluarga dan kawankawan. Oleh itu, pengalaman pada zaman kanak-kanak bagi ibu bapa adalah faktor penting. Faktor personaliti terbentuk melalui pengalaman sewaktu zaman kanak-kanak. Mereka yang dibesarkan dalam keluarga yang sering mengkritik dan kurang sokongan emosi. Akibatnya kanak-kanak daripada keluarga begini tidak mempunyai kepercayaan langsung terhadap orang lain.

Oleh itu, faktor personaliti ibu bapa dan pendera adalah salah satu faktor penting yang melihat punca penderaan terutamanya penderaan seksual. Ibu bapa yang agresif boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku kanak-kanak. Ini kerana ibu bapa adalah model bagi pembentukan psikologi dan tingkah laku anak-anak.

## 2.7 Persepsi Kanak-kanak Terhadap Dunia Luar

Interaksi di antara ibu bapa dan kanak-kanak adalah fokus utama dalam pendekatan ini. Kanak-kanak itu merasa tidak tentu arah ketika menghadapi masalah dengan kematangan psikologi ibu bapa, yang mengenakan hukuman fizikal atau emosi yang tidak rasional. Keadaan ini mungkin menyebabkan kanak-kanak itu diasingkan atau dipisahkan begitu lama sehingga kanak-kanak tersebut membentuk persepsi terhadap dunia luar atau strategi ketahanan untuk hidup.

Menurut Worden (2002), tidak semua keluarga sempurna. Keluarga yang tidak harmoni lebih mengabaikan, menyisihkan atau mendera kanak-kanak. Oleh yang demikian kanak-kanak terpaksa menyesuaikan diri dengan tuntutan orang dewasa yang kurang munasabah atau tidak rasional sehingga mereka mewujudkan suatu strategi ketahanan hidup. Akhirnya, kanak-kanak yang kuat ketahanan mental dapat berkembang secara matang atau sebaliknya kanak-kanak yang lemah, perkembangan psikologi mereka terbantut.

## 2.8 Teori Emosi

Teori ini mula diperkenalkan oleh Gay, Mills, dan Airasian (2009) dan dikenali sebagai teori James Lange (Adi Prasitjo, 2008). Teori ini mengatakan bahawa perkara luaran yang merangsangkan seseorang akan merangsangkan organ visera dalam badan dan kemudian mengakibatkan terkumpulnya pengalaman emosi atau perubahan pada perasaan.


Secara ringkas, ini bermakna seseorang itu berasa sedih sebab dia menangis dan mengeluarkan air mata manakala berasa takut sebab jantungnya berdebar-debar. Teori ini telah dicabar oleh ramai ahli sains seperti Cannon dan lain-lain lagi. Teori yang digunakan kini adalah teori emosi kognitif oleh Ee Ah Meng (1994) di mana proses kognitif di ambil kira. Perasaan dan emosi berlaku secara umum. Misalnya apabila seseorang itu terangsang dalam apa jua keadaan, seseorang itu akan memberi interpretasi terhadap perasannya pada ketika itu.

Sekiranya orang itu diperanjatkan dari belakang, badan orang itu akan terangsang secara spontan seperti jantung berdebar, tapak tangan berpeluh, tidak kira siapa yang memeranjatkannya. Sekiranya didapati orang yang memeranjatkannya tidak dikenali orang

itu akan mentafsir perasaan dan rangsangan badan sebagai perasaan takut. Manakala jika didapati orang yang emeranjatkannya adalah orang yang dikenali, rangsangan badan ditafsirkan sebagai keriangan dan perasaan suka. Label dan interpretasi seperti marah, takut dan gembira yang diberi kepada rangsangan badan didapati banyak dipengaruhi oleh pengalaman terdahulu, keadaan semasa dan reaksi daripada orang lain.

### 3.0 METOD

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian



**Rajah 2 : Proses Penyelidikan**

Berdasarkan kepada reka bentuk di atas, langkah pertama dalam proses penyelidikan ialah mengenal pasti masalah kajian. Idea ini mungkin datang daripada penyorotan literasi tentang kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain pada masa lepas. Setelah mengenalpasti masalah kajian melalui pembacaan literasi kajian, pengkaji telah melakukan pemilihan topik kajian yang dirasakan relevan untuk melaksanakan kajian.

Selanjutnya setelah pemilihan topik dilakukan, pengkaji perlu mengeluarkan satu reka bentuk kajian yang sesuai dengan objektif dan fokus kajian. Pengkaji seharusnya mempertimbangkan populasi yang ingin diambil sebagai subjek penyelidikan. Adalah mustahil penyelidik boleh memilih seluruh populasi sebagai responden penyelidikan tersebut. Oleh itu, pengkaji harus memikirkan teknik persampelan yang terbaik untuk penyelidikannya berdasarkan objektif dan fokus kajian. Setelah menentukan sampel-sampel yang akan diambil sebagai subjek penyelidikan, pengkaji perlu membuat keputusan tentang teknik pengumpulan data yang akan dilaksanakan nanti dan dalam kajian ini pengkaji telah memilih kaedah temubual untuk melaksanakan pengumpulan data.

Proses menganalisis data bermula setelah data kajian dikumpulkan. Dalam analisis data ini, ia memerlukan setiap pengkaji yang terlibat dalam kajian ini untuk membaca dan menilai setiap data-data yang telah diperolehi daripada hasil temubual tersebut dan turut juga diadakan perjumpaan semula untuk berbincang mengenai maklumat-maklumat yang diperoleh dan seterusnya segala maklumat yang telah diinterpretasikan oleh setiap pengkaji itu akan diesahkan ataupun akan ditolak. Seterusnya setelah sesi perjumpaan itu dilakukan, pengkaji akan menyediakan laporan berkenaan dengan hasil temubual yang telah diperolehi daripada responden tersebut. Tujuan laporan analisis data itu disediakan untuk memudahkan pengkaji bagi meneliti semula segala maklumat yang diperolehi dan dengan itu dapat menentukan sama ada maklumat yang diperolehi itu relevan ataupun tidak untuk digunakan dalam penulisan laporan akhir.

Langkah kajian hendaklah disediakan oleh pengkaji untuk melaporkan dapatan kajian, perbincangan tentang dapatan kajian, permasalahan dan cadangan tentang kajian. Menurut Siti Fatimah Abdul Rahman (2002), langkah selepas penulisan adalah penting. Ini kerana daripada dapatan dan hasil kajian pengkaji akan menemui lebih banyak persoalan lagi selepas kajiannya. Persoalan-persoalan ini merupakan idea baru bagi kajian yang akan datang. Justeru itu, penulisan laporan disambung semula kepada idea.

### **3.2 Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi bagi kajian ini adalah merangkumi anak-anak yang menjadi mangsa penderaan seksual sama ada pendera di kalangan keluarga sendiri ataupun orang luar. Sabitha Marican (2005) menyatakan populasi adalah satu agregat elemen yang telah diperincikan secara teori. Ia merangkumi kesemua individu yang hendak dikaji. Pengkaji telah melakukan pemilihan responden yang terdiri daripada anak-anak yang menjadi mangsa penderaan seksual. Mohd Majid Konting (1993), pemilihan sampel adalah satu aspek yang penting dalam membuat penyelidikan. Malah, pemilihan sampel yang dibuat hendaklah menepati ciri-ciri populasi kajian agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan. Oleh itu, sampel yang telah ditetapkan oleh pengkaji merupakan anak yang menjadi mangsa penderaan seksual di mana pengkaji tidak menghadkan sama ada pendera di kalangan keluarganya sendiri ataupun orang luar.

Dalam kajian ini, kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan (purposive sampling) kerana responden yang dipilih adalah menepati ciri-ciri spesifik yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan bukan kebarangkalian kerana kaedah yang digunakan untuk memilih sampel ini bergantung sepenuhnya pada kebijaksanaan dan keperluan kajian. Tambahan pula, kaedah persampelan ini juga dapat memberi jaminan bahawa populasi sasaran adalah meliputi responden yang mempunyai kualiti yang diinginkan oleh setiap pengkaji (Rohany Nasir dan Fatimah Omar, 2006).

Pengkaji telah melakukan beberapa prosedur sebelum melakukan pemilihan responden. Pengkaji telah menyediakan satu set surat rasmi untuk dihantar kepada Taman Sinar Harapan Jubli Johor Bahru bagi memohon kebenaran untuk mendapatkan maklumat mengenai responden yang ingin dipilih. Setelah memperoleh kebenaran daripada pihak tersebut maka pengkaji dapat melakukan pemilihan responden mengikut populasi yang berada di Taman Sinar Harapan Jubli Johor Bahru.

### **3.3 Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan temu bual dengan responden (subjek) akan dilakukan secara bersemuka dan jenis soalan yang akan dikemukakan adalah secara tidak berstruktur. Temu bual bersemuka ialah salah satu daripada cara pengumpulan data yang dilakukan dengan menemu bual secara langsung responden yang dipilih sebagai subjek kajian. Cara temu bual ini memberikan lebih banyak peluang untuk pengkaji beramah mesra dan membentuk hubungan yang baik (rapport) dengan responden serta dapat mengagak keadaan atau situasi sama ada responden ingin terlibat dalam kajian atau tidak. Ini dapat dipastikan dengan melihat pada emosi yang dizahirkan ketika temu bual itu dilakukan serta tahap kefahaman mereka terhadap soalan yang diajukan. Justeru itu, jenis soalan temu bual pula adalah temu bual tidak berstruktur di mana soalan-soalan umum akan disediakan terlebih dahulu manakala soalan-soalan khusus akan ditentukan apabila pengkaji membuat temu bual dengan responden mengikut tujuan kajian. Cara ini dapat memberi peluang pada pengkaji untuk membuat temu bual dalam cara yang ‘biasa’ (natural) dan bebas untuk bertanya soalan pada responden. Malah mengikut cara temu bual ini juga, susunan dan cara soalan yang bersesuaian akan diutarkan mengikut situasi temu bual tersebut. Oleh itu dalam temu bual ini juga, kategori jawapan tidak disediakan serta tidak ada batasan bagi jenis jawapan yang diterima oleh responden.

## **4.0 HASIL DAPATAN**

### **4.1 Analisis Hubungan Responden Dengan Pelaku**

Hubungan mangsa dan pendera adalah dalam pelbagai hubungan. Namun majoriti mangsa dan pendera mempunyai hubungan kekeluargaan. Dua orang mangsa didera secara seksual oleh ayah kandung, seorang oleh ayah tiri, seorang oleh abang kandung dan seorang bapa saudara. Turutan kedudukan mangsa dalam keluarga pula menunjukkan majoriti mangsa adalah anak sulung, seorang anak kedua dan seorang anak bongsu.

**Jadual 1:** Hubungan Responden Dengan Pelaku

<b>Subjek</b>	<b>Hubungan</b>
1	Abang kandung
2	Ayah tiri
3	Ayah kandung
4	Bapa saudara

### **4.2 Analisis Data Bagi Kesan Psikologi**

#### **4.2.1 Tekanan**

Berikut adalah maklum balas (komen) yang diberikan oleh responden (subjek) dan juga pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji:

**Jadual 2:** Komen responden mengenai tekanan

<b>Subjek</b>	<b>Komen (Maklum Balas)</b>	<b>Pemerhatian Pengkaji</b>
1	i) "Saya merasakan bahawa kehidupan saya sudah gelap dan hancur musnah dan saya tidak tahu bagaimana untuk berhadapan dengan masyarakat selepas ini." ii) "Saya sentiasa menyepikan diri dalam bilik."	- Responden berada dalam keadaan menangis sewaktu menceritakan tentang kisahnya dan menunjukkan reaksi wajah yang suram
2	i) "Saya tidak pernah berpuas hati dengan kehidupan yang saya lalui selama ini. Setelah kematian bapa kandung saya, kehidupan saya bertukar menjadi sebuah kehidupan yang boleh saya anggap gelap" (responden menundukkan kepala sambil menunjukkan ekspresi wajah yang suram) ii) "Sehingga berlaku satu perkara yang amat memberi kesan yang amat mendalam ke atas diri saya" (responden terus menangis)	- Responden menunjukkan wajah kekesalan terhadap kehidupan yang dijalani selama ini. - Responden sangat menyesali dengan keputusan yang diambil olehnya untuk membenarkan ibunya berkahwin lain
3	i) "Ayah yang saya hormati dan seharusnya melindungi anaknya sebaliknya dia sendiri yang menghancurkan kebahagiaan dan kehidupan anaknya sendiri. Saya benci seorang insan yang bernama ayah" (nada suara responden semakin tinggi) ii) "Pada ketika itu, saya rasa bagaikan hendak bunuh sahaja orang yang dihadapan saya ini" (ayah mangsa)	- Responden menunjukkan wajah kekesalannya dan nada suaranya juga semakin tinggi
4	i) "Ya, memang dia (ayah) yang menjaga kami adik-beradik tetapi dia jugalah yang memusnahkan kehidupan saya dan adik-adik saya" (dengan nada suara yang kesal) ii) "Kalau puan ingin tahu, sangat sukar bagi saya untuk berhadapan dengan masyarakat sekeliling"	- Nada suara responden menunjukkan sedikit kekesalan
5	i) "Kebahagiaan yang saya harapkan bertukar menjadi tragedi yang paling dashyat berlaku ke atas diri saya" (responden terus menutup mukanya dan menangis)	- Responden terus menangis ketika menceritakan hal ini kepada pengkaji

Berdasarkan kepada dapatan kajian berkenaan item tekanan yang dialami oleh mangsa penderaan seksual di atas menunjukkan kelima-lima subjek (responden) berhadapan dengan situasi yang tertekan semasa berhadapan dengan situasi tersebut. Daripada komen (maklum balas) yang diberikan oleh subjek (responden), didapati dua daripada lima subjek (responden) sewaktu menceritakan tentang pengalaman pahit tersebut mereka berada di dalam keadaan menangis. Hal ini kerana mereka tidak dapat menahan tekanan emosi yang dialaminya.

Manakala selebihnya menunjukkan wajah kekesalan dan nada suara yang digunakan juga agak tinggi sewaktu menceritakan tentang pengalaman yang dilalui.

Daripada pemerhatian pengkaji menunjukkan tekanan yang dialami oleh kelima-lima responden berada dalam keadaan keadaan yang serius. Pengkaji juga telah mengklasifikasikan tekanan yang dialami oleh subjek berada di tahap yang kritikal.

#### **4.2.2 Kemurungan**

Berikut adalah maklum balas (komen) yang diberikan oleh responden (subjek) dan juga pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji:

**Jadual 3:** Komen responden mengenai kemurungan

<b>Subjek</b>	<b>Komen (Maklum Balas)</b>	<b>Pemerhatian Pengkaji</b>
1	i) "Saya juga berasa sedih jika ibu dan bapa saya mengetahui tentang hal tersebut dan semestinya mereka akan berasa sangat kecewa dengan kejadian tersebut"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang agak kecewa dan nada suara yang terketarkan
2	i) "Saya merasakan diri saya tidak berguna lagi" ii) "Saya bukan merupakan orang yang sempurna lagi"	- Responden sedang menangis ketika meluahkan perasaannya
3	i) "Saya sedih mengenangkan nasib diri saya. Kenapa perlu saya yang menjadi mangsa kerakusan ini" ii) "Saya selalu bertanyakan kepada diri saya mengapa saya diberikan ayah yang sedemikian rupa" (ambil menundukkan muka) iii) "Saya kerap kali menyalahkan diri saya kerana saya tidak pandai menjaga diri sendiri"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang agak kecewa dan nada suara yang terketarkan
4	i) "Saya berasa amat malu dan kehidupan saya juga telah musnah dalam sekilip mata. Apalah dosa saya sehingga saya menjadi mangsa kerakusan lelaki durjana ini" (dengan nada yang tinggi dan reaksi muka yang marah)	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang marah dan nada suara yang tinggi
5	i) "Dari mata kasar kita akan melihat dia seorang insan yang sangat dikagumi dan kita sendiri tidak menyangka yang dia sanggup untuk melakukan perbuatan tersebut. Tetapi inilah dia manusia yang dikatakan bertopengkan syaitan" (dengan suara yang sedikit menjerit) ii) "Pada awalnya saya berada di situ ,saya kerap bermimpi dan menjerit-jerit meminta tolong. Saya berasa takut dan menggigil jika tiba waktu malam" iii) "Sehinggalah tiba pada satu malam, saya	- Nada suara responden menunjukkan sedikit menjerit ketika menceritakan hal ini  - Responden juga menunjukkan wajah yang agak kecewa ketika menceritakan pengalaman yang dilalui

---

mengigau dan menjerit-jerit sambil mengatakan  
“Tolong pakcik, jangan lakukan lagi, sakit  
sangat!”

---

Berdasarkan kepada dapatan kajian berkenaan item kemurungan yang dialami oleh mangsa penderaan seksual di atas menunjukkan kelima-lima subjek (responden) berhadapan dengan situasi kemurungan sewaktu peristiwa itu berlaku ke atas diri mereka. Daripada komen (maklum balas) yang diberikan oleh subjek (responden) menunjukkan dua daripada lima subjek (responden) menyatakan rasa bersalah terhadap diri sendiri. Seorang subjek menyatakan rasa malu apabila kehidupannya telah musnah dalam sekilip mata. Terdapat juga seorang subjek yang mengalami gangguan tidur dan sering terjaga semasa mangsa sedang tidur. Malah berasa sangat takut dan mengigil jika tiba waktu malam. Seorang lagi subjek pula menyatakan rasa sedihnya jika ibu dan bapa tahu tentang kejadian yang berlaku ke atas diri mangsa dan semestinya mereka berasa kecewa dengan peristiwa tersebut.

Oleh itu, daripada pemerhatian pengkaji menunjukkan kemurungan yang dialami oleh kelima-lima subjek boleh diklasifikasikan berada di tahap yang kritis kerana ada mangsa yang sentiasa menyalahkan diri sendiri dan kerap terjaga dari tidur.

#### 4.2.3 Trauma

Berikut adalah maklum balas (komen) yang diberikan oleh responden (subjek) dan juga pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji:

**Jadual 4 : Komen responden mengenai trauma**

<b>Subjek</b>	<b>Komen (Maklum Balas)</b>	<b>Pemerhatian Pengkaji</b>
1	<p>i) “Tetapi perasaan sedih dan marah tersebut tetap tersemat dalam diri” “Saya juga kerap bermimpi. Saya tidak mahu untuk bergaul dengan orang lain kerana merasakan bahawa masyarakat akan mengetahui apa yang berlaku ke atas diri saya”</p> <p>ii) “Abang saya kerap kali mengulangi perbuatannya hampir empat kali tetapi saya masih takut untuk meluahkannya kerana merasakan ianya akan memberi ancaman kepada diri saya”</p> <p>iii) “Secara jujurnya saya agak takut untuk bercakap dengan lelaki kerana saya merasakan diri saya akan terancam jika berhadapan dengan individu yang berlainan jantina”</p>	- Responden menunjukkan ekspresi wajah yang agak sedih dan responden banyak mendiamkan diri seketika sebelum menyambung perbualannya
2	<p>i) “Apa yang saya mampu lakukan hanyalah menangis setiap hari. Saya tidak dapat berfikir apa yang sepatutnya saya lakukan. Saya benci untuk meneruskan kehidupan saya”</p> <p>ii) “Saya ingin mengasingkan terus diri saya dari orang lain”</p> <p>iii) “Peristiwa itu akan sentiasa bermain di</p>	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang kesal dan nada suara yang agak tinggi. Ini juga menggambarkan responden tidak dapat menerima apa yang telah berlaku ke atas dirinya.

---

	fikiran saya. Hampir tiap-tiap malam saya kerap bermimpi tentang peristiwa itu dan saya akan menjerit meminta tolong sehingga ibu saya selalu terbangun dari tidur dan terus memeluk saya untuk menenangkan saya.” (pada ketika ini juga responden terus menangis)	
3	i) “Walaupun begitu saya masih tidak mampu untuk melupakan perbuatan terkutuk yang dilakukan oleh ayah terhadap diri saya”	- Responden menunjukkan wajah kekesalannya semasa menceritakan tentang perkara tersebut
4	i) “Saya malu jika masyarakat tahu bahawa saya diperlakukan sebegini oleh bapa kandung sendiri”	- Responden menunjukkan wajah kesedihannya ketika Menceritakan pengalaman yang dilalui
5	i) “Setelah hampir tiga kali dia melakukan perbuatan itu, saya amat takut tiap kali berjumpa dengannya” ii) “Saya juga takut berada dalam keadaan keseorangan. Apa yang paling teruk lagi adalah saya tidak boleh berhadapan dengan mana-mana lelaki kerana dengan sendirinya wajah dia (bapa saudara) akan mucul di fikiran saya”	- Responden menunjukkan wajah yang agak ketakutan ketika menceritakan tentang hal tersebut

---

Berdasarkan kepada dapatan kajian berkenaan item trauma yang dialami oleh mangsa penderaan seksual menunjukkan dua (subjek) responden menyatakan tidak mahu bergaul dengan orang lain dan ingin mengasingkan terus dirinya daripada masyarakat sekeliling. Seorang subjek (responden) pula merasakan dirinya akan terancam jika memberitahu perkara sebenar kepada orang lain. Terdapat juga seorang subjek (responden) yang kerap mengingati peristiwa itu berulang-ulang kali sehingga membawa kepada mimpi dan seorang lagi subjek (responden) yang berasa terancam jika berhadapan dengan individu yang berlainan jantina.

Daripada pemerhatian pengkaji mendapati trauma yang dialami oleh subjek (responden) boleh diklasifikasikan berada di tahap yang agak kritikal kerana ada seorang mangsa yang berasa terancam jika berhadapan dengan individu yang berlainan jantina dan jika mangsa memberitahu perkara sebenar yang terjadi ke atas dirinya kepada orang lain.

### 4.3 Analisis Data Bagi Cara Penyesuaian Diri

Dalam bahagian analisis data bagi cara penyesuaian diri ianya meliputi item seperti berikut iaitu penafian dan penarikan :

### 4.3.1 Penafian

**Jadual 5:** Komen responden mengenai penafian

Subjek	Komen (Maklum Balas)	Pemerhatian Pengkaji
1	i) "Saya hanya mendiamkan diri sahaja dan meneruskan persekolahan saya seperti biasa dan menganggap bahawa tiada apa-apa yang berlaku ke atas diri saya"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang sedikit tertekan kerana responden tidak mampu untuk meluahkan apa yang terpendam di dalam hatinya
2	Tiada kenyataan yang diberikan berkenaan dengan item ini	Tiada
3	Tiada kenyataan yang diberikan berkenaan dengan item ini	Tiada
4	Tiada kenyataan yang diberikan berkenaan dengan item ini	Tiada
5	Tiada kenyataan yang diberikan berkenaan dengan item ini	Tiada

Berdasarkan kepada dapatan kajian di atas pengkaji menunjukkan hanya seorang subjek (responden) sahaja yang memberikan komen (maklum balas) berkenaan dengan item penafian iaitu subjek menyatakan bahawa dia hanya mendiamkan diri dan meneruskan aktiviti seperti biasa bagi membolehkan dia menganggap tidak ada apa-apa yang berlaku ke atas dirinya. Selebihnya subjek (responden) menunjukkan tiada maklum balas yang diberikan ke atas item ini dan ini juga menggambarkan bahawa subjek (responden) tidak menafikan perkara yang telah terjadi ke atas diri mereka dan bersedia menerima hakikat sebenar di atas perkara tersebut.

Oleh itu, daripada pemerhatian pengkaji terhadap subjek (responden) menunjukkan tahap bagi item ini boleh diklasifikasikan berada di tahap kritikal walaupun hanya seorang subjek sahaja yang memberikan komen terhadap item ini.

### 4.3.2 Penarikan

Berikut adalah maklum balas (komen) yang diberikan oleh responden (subjek) dan juga pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji:

**Jadual 6:** Komen responden mengenai penarikan

Subjek	Komen (Maklum Balas)	Pemerhatian Pengkaji
1	Tiada kenyataan yang diberikan berkenaan dengan item ini	- Tiada
2	i) "Saya ingin mengasingkan terus diri saya dari orang lain"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang tertekan dan tidak dapat menerima

---

		kenyataan terhadap apa yang berlaku ke atasnya
3	i) "Saya rasa kehidupan lebih sempurna ketika berada di sini walaupun saya masih lagi trauma dengan kejadian tersebut"	- Responden menunjukkan wajah yang suram dan sedih
4	i) "Jadi jalan yang terbaik yang saya lakukan adalah mengasingkan diri saya dari dunia luar"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang putus asa
5	i) "Saya lebih rela menjauahkan diri saya dari berhadapan dengan individu yang berlainan jantina kerana jika saya berhadapan dengan mereka dengan sendiri peristiwa tersebut akan kembali bermain di fikiran saya"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang agak takut ketika dia menceritakan pengalamannya

---

Berdasarkan kepada dapatan kajian di atas menunjukkan hanya seorang subjek (responden) yang tidak memberikan komen (maklum balas) terhadap item penarikan ini manakala empat lagi subjek (responden) memberikan komen (maklum balas) terhadap item ini. Di antara komen (maklum balas) yang diberikan oleh keempat-empat subjek (responden) tersebut, dua daripadanya menyatakan ingin mengasingkan terus dirinya daripada masyarakat dan dunia luar. Seorang subjek (responden) pula merasakan kehidupannya lebih sempurna jika berada di sini (Jabatan Kebajikan Masyarakat) walaupun subjek masih lagi trauma dengan kejadian tersebut manakala seorang lagi responden menyatakan dia lebih rela menjauahkan diri daripada individu berlainan jantina kerana membolehkan dia melupakan sedikit peristiwa yang telah berlaku ke atas dirinya.

Oleh itu daripada pemerhatian pengkaji menunjukkan tahap bagi item ini menunjukkan ia berada di tahap yang kritikal kerana kebanyakan subjek sewaktu menceritakan tentang peristiwa tersebut menunjukkan reaksi wajah yang seolah-olah sudah putus harapan dan ada yang menunjukkan reaksi wajah yang agak takut ketika menceritakan pengalaman yang dilalui.

#### 4.4 Analisis Data Bentuk Sokongan

**Jadual 7:** Komen responden mengenai bentuk sokongan

<b>Subjek</b>	<b>Komen (Maklum Balas)</b>	<b>Pemerhatian Pengkaji</b>
1	i) "Sudah semestinya, ibu saya. Ayah saya juga banyak membantu tetapi disebabkan saya agak takut dengan individu berlainan jantina jadi saya kurang berinteraksi dengan bapa saya. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut membantu dalam memberikan khidmat kaunseling" ii) "Ahli keluarga yang lain serta jiran juga banyak menyokong saya dan memberikan kekuatan kepada saya untuk meneruskan kehidupan"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang tenang dan nada suara responden juga tidak begitu menekan
2		Responden menunjukkan reaksi wajah yang tenang dan nada suara yang biasa

---

	i) "Jiran saya yang banyak membantu dan memberikan kekuatan kepada ibu saya untuk melaporkan kejadian ini kepada pihak berkuasa"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang tenang dan nada suara yang biasa
3	ii) "Saya berasa selamat di sini (Jabatan Kebajikan Masyarakat) dan saya dapat sesuaikan diri dengan persekitaran di sini"	
	i) "Ibu yang banyak memberi kekuatan kepada saya. Jiran yang rapat dengan keluarga kami juga banyak membantu dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menyediakan tempat perlindungan yang selesa untuk saya meneruskan kehidupan yang lebih aman"	
4	i) "Semuanya berlaku di atas pertolongan guru saya. Saya sangat rapat dengan beliau dan dia sahaja merupakan tempat saya untuk meluahkan segala perasaan yang terpendam"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang tenang
	ii) "Ya. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat banyak memberikan khimat kaunseling kepada saya dan cuba memulihkan perasaan kecewa yang saya tanggung selama ini. Sekurang-kurangnya sekarang saya mampu untuk bergaul dengan kawan-kawan yang mengalami nasib yang sama seperti saya"	
5	i) "Kakak saya terus menuju ke balai polis untuk membuat laporan. Setelah itu saya juga telah dihantar ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan"	- Responden menunjukkan reaksi wajah yang tenang dan nada suara responden juga tidak begitu menekan
	ii) "Setelah berada di sini (Jabatan Kebajikan Masyarakat) pelbagai khidmat kaunseling diberikan dan sehingga saya merasakan bahawa perasaan takut yang terlampau itu mulai berkurangan cuma saya ada sedikit perasaan fobia terhadap lelaki"	

---

Berdasarkan kepada dapatan kajian di atas menunjukkan tiga responden memberikan komen (maklum balas) yang menyatakan bahawa ibu mereka yang paling banyak memberikan sokongan ketika mereka sedang berhadapan dengan situasi tersebut. Manakala yang selebihnya pula menyatakan bahawa ahli keluarga yang lain dan guru yang memberikan sokongan kepada mereka ketika berada dalam situasi tersebut. Kelima-lima subjek (responden) juga menyatakan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga banyak memberikan sokongan kepada mereka iaitu dari segi memberikan khidmat kaunseling kepada mereka bagi mengurangkan sedikit tekanan emosi yang dialami oleh mereka.

Oleh itu, daripada pemerhatian pengkaji menunjukkan tahap yang boleh diklasifikasikan bagi item ini adalah berada di tahap yang minimum kerana kelima-lima subjek menunjukkan rasa berpuas hati dengan sokongan –sokongan yang diterima oleh pelbagai pihak ketika subjek berhadapan dengan situasi tersebut.

## 5.0 PERBINCANGAN

### 5.1 Perbezaan Konsep Kendiri Di Antara Remaja Belajar Dan Remaja Bekerja

Hasil Dapatan Kajian Bagi Kesan Psikologi Jika dilihat daripada ketiga-tiga persoalan kajian iaitu meliputi kesan psikologi yang dialami oleh anak deraan seksual, cara penyesuaian diri yang dilakukan oleh anak deraan seksual dan bentuk sokongan yang diperlukan oleh anak deraan seksual, hasil dapatan kajian ini menunjukkan responden (subjek) banyak mendorong ke arah kesan psikologi yang antaranya meliputi tekanan, kemurungan dan trauma yang dialami oleh mangsa ketika berhadapan dengan peristiwa tersebut dan juga cara penyesuaian diri yang dilakukan oleh responden. Jika melihat kepada persoalan kajian yang pertama iaitu kesan psikologi tahap yang diklasifikasikan berdasarkan pemerhatian pengkaji bagi ketiga-tiga item iaitu tekanan, kemurungan dan trauma adalah berada di tahap yang kritikal.

Jika dilihat daripada dapatan kajian juga kebanyakannya responden (subjek) menangis, menunjukkan wajah kekesalan dan nada suaranya sedikit tinggi sewaktu menceritakan perkara yang telah berlaku ke atas diri mereka. Kelima-lima responden yang mengalami tekanan, kemurungan dan trauma ini juga akibat daripada perasaan takut, kecewa, berasa diri berada di dalam ancaman, ingatan yang berulang-ulang terhadap peristiwa tersebut dan perasaan bersalah terhadap diri sendiri yang agak keterlaluan. Ini kerana peristiwa yang telah berlaku ke atas diri mereka itu, memberi kesan yang amat mendalam sehingga mereka beranggapan tidak ada gunanya untuk meneruskan kehidupan mereka lagi.

### 5.2 Hasil Dapatan Kajian Bagi Cara Penyesuaian Diri

Jika dilihat kepada hasil dapatan kajian berkenaan cara penyesuaian diri yang dilakukan oleh responden (subjek) yang meliputi item penafian dan penarikan menunjukkan kedua-dua item ini telah diklasifikasikan oleh pengkaji berada di tahap yang kritikal. Hal ini kerana walaupun hanya seorang responden sahaja yang memberikan maklum balas berkaitan item penafian tetapi ianya sangat memberi kesan yang negatif kepada responden kerana berdasarkan kenyataan yang diberikan, responden sanggup menganggap bahawa tiada apa-apa yang berlaku ke atas dirinya dan meneruskan aktiviti persekolahannya seperti sedia kala. Perkara ini seharusnya dipandang serius kerana ianya boleh membahayakan seseorang individu itu di dalam kehidupan seterusnya.

Jika melihat kepada item penarikan, terdapat responden (subjek) yang menyatakan ingin mengasingkan terus dirinya daripada masyarakat dan dunia luar. Ini menunjukkan bahawa apabila mereka menyatakan sedemikian ini membolehkan mereka melupakan kejadian yang pernah terjadi ke atas diri mereka. Ini juga boleh mendatangkan kesan negatif ke atas diri mereka kerana mereka seolah-olah berpurapura dengan diri sendiri dan menganggap kejadian tersebut tidak pernah berlaku.

### 5.3 Hasil Dapatan Kajian Bagi Bentuk Sokongan

Hasil dapatan kajian bagi bentuk sokongan menunjukkan daripada pemerhatian pengkaji telah mengklasifikasikan item ini berada di tahap yang minimum. Ini kerana kelima-lima responden menunjukkan rasa berpuas hati terhadap sokongan-sokongan yang diterima oleh pelbagai pihak. Jika melihat kepada dapatan kajian, kelima-lima responden menyatakan bahawa ahli keluarga banyak memberikan sokongan dan juga kekuatan kepada mereka dalam menghadapi dugaan yang berlaku ke atas diri mereka. Di samping itu, responden (subjek)

juga berharap supaya semua pihak tidak memandang remeh terhadap isu penderaan seksual ini dan memberikan perkhidmatan yang efektif kepada mangsa yang terlibat dalam kejadian ini.

## **RUJUKAN**

- Adi Prasitijo.(2008). *Adaptasi Dalam Anthropologi*. Petikan Januari 28, 2004 dari <http://prasetijo.wordpress.com/2008/01/28/adaptasi-dalam-anthropologi/>
- Ann, Wan Seng dan Khadijah Alavi. (1997). *Penderaan kanak-kanak di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azhari.(2000). *Peranan Ibu bapa Dalam Membentuk Generasi Berilmu dan Berakhhlak ke arah Kecemerlangan di Dunia dan Akhirat*. Petikan Mac 21, 2009 dari <http://alumnigayonguia.tripod.com/artikel/peranan%20ibu%20bapa.htm>
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Abd Rahim Hamdan ( 2007 ). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan . Kuala Lumpur : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd .
- Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip, Baharudin Arus, Zahari Hamidon (2013) Students Difficulties in Reading. European Journal of Scientific Research, European Journal of Social Science ISSN: 1450-216X /202X, Volume 114, Issue 4
- Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip, Baharudin Arus, Zahari Hamidon (2013) Contributing Factor of Using Information Technology in Teaching and Learning among Engineering Teachers. European Journal of Scientific Research ISSN: 1450-216X /202X, Volume 114, Issue 4
- Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Ma'alip, Baharudin Arus, Zahari Hamidon (2013) Behavioural Sciences on Learning Style and Teaching Technique Induces the Force of Intelligent of Civil Engineering Programme in Technical School, European Journal of Social Science. ISSN: 1450-216X /202X, Volume 114, Issue 4
- Azizi Yahaya, Gooh Mo Lee, Halimah Maalip, Zahari Hamidon, Baharudin Arus1,Gan Lui Nam (2013} Practice And Level of Reflectivity Amongst Student Teachers Of Universiti Sains Malaysia, European Journal of Scientific Research ISSN: 1450-216X /202X, Volume 114, Issue 4
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Mohammed Hassan Omar, Nurul Ezzati Azizi and Faridah Suboh (2012) Occupational stress among technical teachers in technical schools in Johore, Malacca and negeri sembilan Elixir Psychology 42A (2012) pg 6549-6554 ISSN 2229-712X
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Mohammed Hassan Omar, Nurul Ezzati Azizi and Faridah Suboh (2012) A study on implementation of play in kindergarten at tampoi and skudai, johor. Elixir Psychology 44 (2012) pg 7504-7511ISSN 2229-712X
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, and Faizah Idris (2012) The relationship between big five personality with work motivation,competitiveness and job satisfaction, Elixir Psychology 44 (2012) 7454-7461 ISSN 2229-712X
- Azizi Yahaya, Ng Sar Ee 1 Juriah@Daing Junaidah Bachok, Noordin Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Goh Mo Lee (2012), The Impact of Dimension of Emotional Intelligence towards Academiv Achievement among Secondary school Students, Archives Des Sciences Journal ISSN: 1661-464X, vol 65 no 4, March, pg 2-17,

- Cooper, D.M. and Ball, D. (1987). Social Work and Child Abuse: Macmillan Education
- Crosson, T. (2002). *Understanding child sexual abuse and neglect.* (ed. ke-5). Boston: Allyn and Bacon.
- Ee, Ah Meng (1994). *Psikologi Dalam Bilik Darjah.* : Fajar Bakti
- Freeman, S. J. (2005). Grief and Loss. *Understanding The Journey:* Thomson Learning Academic Resource Centre
- Gay, L.R., Mills, G. E. and Airasian, P. (2009). Educational Research 9<sup>th</sup> ed. *Competencies for Analysis and Applications:* Pearson Education
- Ida Hartina. (2006). *Memimpin Kaunseling Kelompok :* PTS Professional
- Kasmini Kassim (1998). *Penderaan Emosi Kanak-kanak Trauma Terselindung :* Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kristi.(2006). *Menata hidup setelah trauma.* Petikan April 12, 2006 dari <http://www.pulih.or.id/>
- Meran.(2008). *Penderaan trauma tersembunyi pada kanak-kanak.* Petikan Oktober 16, 2008 dari [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)
- Mohd Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Lebar (1994). *Asas Psikologi Perkembangan.*: Utusan Publications
- Nor Shafrin Ahmad (2007) *Mengenal Pasti Indikator Tingkah Laku Mangsa Penderaan Seksual* Malaysian Journal of Educators and Education, 22. pp. 107-125
- Orton, G. L. (1997). *Strategies for Counseling with Children and Their Parents:* Brooks/ Cole Publishing
- Powell, A (2007). Pedophiles, Child Abuse and The Internet. *A Practical Guide to Identification, Action and Prevention:* Radcliffe Publishing
- Rohany Nasir dan Fatimah Omar (2006). *Kesejahteraan Manusia Perspektif Psikologi.*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Roslah.(2007). *Membantu kanak-kanak mangsa dera seks.* Petikan September 26, 2007 dari [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)
- Sabitha Merican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial.* : Prentice Hall.
- Salkind N.J. (2006). *Exploring Research* 6<sup>th</sup> ed New Jersey: Prentice Hall
- Siti Fatimah Abdul Rahman (2002). *Peranan Ibubapa Dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak.* : Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Worden, J.W. (2002). Grief Counseling and Grief Therapy 3<sup>rd</sup> ed. *A Handbook for The Mental Health Practitioner:* Springer Publishing